

Menukar strate

U.M. M/2 10 31.10.07

Oleh SIVAMURUGAN PANDIAN

MASA pantas berlalu; sudah empat tahun Tun Dr. Mahathir Mohamad bersara dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menduduki kerusi nombor satu negara sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima.

Ketika beliau mula mengambil alih kepimpinan negara, ramai yang khuatir sama ada beliau merupakan calon terbaik sebagai 'pengganti' Dr. Mahathir. Sindrom ini bukan baru kerana ketika Allahyarham Tun Hussein Onn menggantikan Allahyarham Tun Abdul Razak, ramai yang mempersoalkannya. Ketika Dr. Mahathir menggantikan Tun Hussein pula, wujud pelbagai reaksi tetapi terbukti, beliau merupakan pengganti yang paling se-cocok dengan persekitaran ketika itu.


Selepas empat tahun, adakah masih wujud label yang sama ke atas Abdullah? Tinjauan beberapa pengkaji mendapati bahawa populariti kepimpinan Abdullah berada dalam paras yang cukup baik terutama dalam kalangan masyarakat Melayu sehingga hampir 70 peratus menunjukkan sokongan ke atas kepimpinan beliau.

Adakah ini menunjukkan bahawa mereka menyokong agenda serta misi beliau? Tahun keempat juga mendapat rahmat hasil perkahwinan beliau dengan Datin Seri Jeanne Abdullah apabila beliau menyatakan ia sesungguhnya meningkatkan keazaman beliau untuk menjalankan tanggungjawab sebagai Perdana Menteri. Begitu juga dengan kehadiran cucu kelima dalam keluarga, Jibrael Ali Jamaluddin Abu Bakar Khairy.

Berbanding tahun-tahun sebelumnya, Abdullah telah mula menukar perancangan strategi pembangunan negara dalam bentuk pelaksanaan. Ini merupakan kepintaran politik Abdullah. Mereka yang menganggap Abdullah tidak pernah dicabar dalam politik perlu melihat sejarah pemilihan UMNO 1987 dan keupayaan beliau untuk kembali semula dalam Kabinet Dr. Mahathir pada tahun 1990 bagi mengenalinya lebih dekat lagi.

Ada yang menyangka Abdullah hanya layak memamatkan kerusi Perdana Menteri tanpa melihat lebih jauh. Karakter beliau yang tidak melayan sebarang kritikan, tohmahan ataupun herdikan, akhirnya berjaya. Pembangkang ketandusan isu, pengkritik pula semakin menyepi.

Kebanyakan kritikan tidak ditujukan ke atas beliau secara langsung tetapi lebih ke atas persekitaran beliau. Percaturan sesetengah pihak yang melihat sikap 'membisu' Abdullah sebagai liabiliti atau kelemahan sebenarnya memakan tuan. Beliau sendiri pernah mengakui peninggalan Dr. Mahathir cukup besar untuk diisinya tetapi barang sesiapa sekalipun mengambil alih teraju kepimpinan negara,



ABDULLAH Ahmad Badawi terus mendapat s

**Sepanjang tahun keempat, k
semula manifesto dan 12 ga
ucapan dasar Presiden**

pasti akan tercabar dengan pencapaian pembangunan di bawah Dr. Mahathir.

Yang perlu adalah pemimpin yang bertanggungjawab, setia pada parti dan negara, jujur, berjiwa rakyat serta berwawasan dan meneruskan kesinambungan kejayaan dasar lepas. Abdullah juga dikatakan bukan calon *favourite* dan mudah dijadikan 'pak turut'. Di sebaliknya, strategi politik beliau terselindung di sebalik perwatakan sederhana beliau sehingga membuktikan boleh memimpin dengan kesinambungan pelbagai dasar daripada kepimpinan lepas serta memperkenalkan beberapa gagasan baru untuk menyempurnakan persekitaran yang beliau tadbir.

Empat tahun Abdullah menjadi Perdana Menteri, ada pasang surutnya. Bermula dengan ledakan gelombang *feeling good* ke atas pentadbiran beliau, Abdullah mengetuai pilihan raya kali ke-11 dengan penuh keyakinan. Kemenangan yang dicapai merupakan kemenangan bergaya; yang paling besar dalam

egi jadi pelaksanaan



sokongan daripada masyarakat pelbagai peringkat.

beliau telah cuba merangsang gagasan yang dibongkar dalam UMNO November tahun lalu

sejarah pilihan raya umum tanah air. Ini membolehkan beliau merangka beberapa agenda baru untuk kesejahteraan dan masa depan rakyat negara ini.

Pilihan raya yang ke-12 dijangka diadakan dalam jangka masa beberapa bulan lagi. Ini turut akan mewarnai tahun kelima pentadbiran beliau. Yang akan dilihat adalah prestasi semasa terutama pencapaian tahun keempat beliau.

Sepanjang tahun keempat beliau telah cuba merangsang semula manifesto dan 12 gagasan yang dibongkar dalam ucapan dasar Presiden UMNO November tahun lalu. Yang jelas, gagasan tersebut bukan sekadar retorik tetapi sudah mula dilaksanakan.

Kepimpinan melalui teladan, sistem demokrasi berpaksikan tanggungjawab bersama, pembangunan modal insan, penerokaan sumber ekonomi baru, masyarakat perindustrian dan perdagangan, peranan sektor swasta, peningkatan mutu sektor awam, rasuah, penguatkuasaan undang-undang, penyertaan war-

ga muda dan wanita, kedaulatan di peringkat antarabangsa, dan perpaduan nasional menjadi nadi kekuatan kepimpinan ini.

Kesemua ini juga merupakan intipati manifesto pilihan raya lalu yang dirangka bukan untuk dilihat hasilnya sebelum pilihan raya yang ke-12 tetapi ia bersifat jangka panjang.

Sambutan 50 tahun kemerdekaan negara berlangsung ketika negara berada dalam tahun keempat kepimpinan Abdullah. Seringkali, isu perpaduan dijadikan tema besar mana-mana pemimpin dan sehingga hari ini, isu perpaduan dan integrasi berjaya dipelihara oleh Abdullah walaupun mengakui ada lompong kosong yang boleh memberi kesan ke atas perpaduan masyarakat pelbagai etnik negara ini.

Bagi Abdullah sebagaimana yang dinyatakan di Persidangan CEO Forbes di Singapura September lepas, satu identiti nasional secara perlahan-lahan sudah lahir yang bersatu dan kestabilan politik adalah berasaskan kepada penerimaan ke atas keunikan Malaysia sendiri. Walaupun ada perselisihan mengenai pertembungan antara undang-undang sivil dan syariah dalam kes-kes tertentu yang melibatkan individu Islam dan bukan Islam, ia berjaya dikawal.

Ada segelintir yang menggunakan isu seperti ini untuk kepentingan perjalanan politik mereka, tetapi yang jelas ia dikekang sebelum merebak terutama melalui penggunaan beberapa alat komunikasi seperti sms, internet, blog dan sebagainya.

Alat media baru ini boleh menjadi senjata 'pemusnah' jika para penggunanya tidak beretika atau gagal bersifat hemah. Perpaduan penting bagai kesemua warisan kepimpinan negara.

Sepanjang tahun keempat, pertumbuhan ekonomi dapat dilihat berlaku dengan baik. Walaupun ada kenaikan harga barang dan petroleum akibat desakan permintaan dan penawaran global, negara terus stabil.

Tidak wujud keadaan tidak menentu. Pertumbuhan ekonomi dilihat akan terus berkembang bersesuaian dengan perancangan Misi Nasional di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Beberapa projek mega juga mula dirancang semula sepanjang tahun keempat termasuk pengstrukturkan Felda dan Felcra, penambahan jalan kereta api LRT di Lembah Klang, jalan kereta api berkembar Ipoh-Padang Besar, Kabel bawah laut Bakun, pembinaan, saluran paip minyak Trans-Peninsular, kereta api laju ke Singapura, Lebuhraya Pantai Barat, dan Monorel Pulau Pinang.

Keazaman Perdana Menteri untuk mengembangkan sektor ekonomi dan mengurangkan kemiskinan serta menaikkan taraf industri kecil dan sederhana juga jelas dengan pelancaran Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI), Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan diikuti dengan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) serta koridor ekonomi untuk Sarawak (Recoda).

Di tahun keempat ini, Abdullah juga telah mengadakan pertemuan dua hala dengan 13 orang pemimpin di luar negara sehingga Jun tahun ini; manakala 20 lawatan pada tahun 2006; 25 tahun 2005 dan 22 tahun 2004.

Lawatan ini termasuklah ke negara ASEAN, benua Amerika dan Afrika, Asia Timur, Asia Barat serta menghadiri mesyuarat rasmi. Ini membolehkan Malaysia mendapat penghormatan antarabangsa sewajarnya serta menyumbang kepada kedudukan tangga ke-19 dalam destinasi negara perdagangan terbesar di peringkat global.

Sepanjang empat tahun mentadbir, Abdullah berjaya mengatasi kritikan ke atas kepimpinannya dan mengubah perancangan dalam bentuk pelaksanaan.

□ DR. SIVAMURUGAN PANDIAN ialah Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.